



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

---

**(SIARAN SEGERA)**

## **KINRARA DAMANSARA EXPRESSWAY (KIDEX)**

Projek Lebuh raya Kinrara Damansara (KIDEX) secara prinsipnya diluluskan pelaksanaannya dengan perjanjian konsesi telah ditandatangani pada 15 November 2013. Projek ini telah mendapat kelulusan daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) pada 23 Februari 2012.

Cadangan KIDEX sepanjang 26.1 km yang akan menghubungkan Kinrara dan Damansara akan membantu menyuraikan trafik di Lebuh raya Damansara Puchong (LDP) dan dapat memendekkan tempoh perjalanan di samping memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya.

Walau bagaimanapun ada beberapa pra syarat (*conditions precedent – CP*) yang perlu dipenuhi oleh pihak konsesi dalam tempoh 12 bulan selepas ia ditandatangani.

Antara pra syarat berkenaan ialah mempunyai keupayaan kewangan untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan melaksanakan tinjauan maklum balas awam iaitu mengambilkira pandangan penduduk yang terlibat.

Selagi pra syarat berkenaan tidak dipenuhi, Kerajaan Persekutuan tidak akan membenarkan pelaksanaan projek berkenaan.

Berdasarkan tempoh perjanjian, pihak konsesi ada masa sehingga pertengahan November 2014 untuk mematuhi pra syarat ditetapkan, sebelum keputusan muktamad sama ada projek itu boleh diteruskan atau tidak, dibuat.

Setakat ini, syarikat konsesi masih dalam proses untuk memenuhi pra syarat ditetapkan. Kementerian Kerja Raya akan terus memantau rapi perkembangan proses berkenaan dengan semua pihak terbabit dinasihatkan supaya meneruskan rundingan secara baik, tanpa mencetuskan sebarang kekecohan atau kejadian tidak diingini.

**Datuk Hj Fadillah Hj Yusof**  
**Menteri Kerja Raya**  
**23 Mei 2014**  
**6.20 Petang**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |

Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |

Pro@kk.gov.my